

32,000 pemilik bot nelayan digesa

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Manjung

Kira-kira 32,000 pemilik bot nelayan di seluruh negara digesa memuat turun aplikasi MyIsytihar ke telefon pintar masing-masing sebagai usaha memerangi ketirisan diesel bersubsidi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, aplikasi itu dibangunkan LKIM bagi memudahkan pemilik bot nelayan mengisytiharan jumlah hasil laut didaratkan tanpa terikat dengan waktu operasi pusat pengisytiharan dan pendaratan ikan LKIM sedia ada.

Menurutnya, sebaik sistem e-Pengisytiharan LKIM menerima data terbabit, satu resit rasmi dipaparkan di aplikasi itu bagi membolehkan pemilik bot mendapatkan diesel bersubsidi.



MUHAMMAD Faiz (dua dari kanan) menyerahkan bantuan enjin sangkut kepada nelayan B40 pada Majlis Rahmah Mesra MADANI di Dewan Serbaguna LKIM, semalam. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

“Kalau mereka (pemilik bot) selesai isytihar, baru boleh dapat minyak. Kita te-

tapkan aturan begitu untuk memastikan mereka tak memensia-siakan diesel bersub-

sidi yang diberi kerajaan.

“LKIM hendak pastikan mereka betul-betul tang-

kap ikan, bukan mereka jual (diesel bersubsidi) dekat tengah-tengah laut.

“Bagaimanapun, hanya 50 peratus daripada 32,000 pemilik bot menggunakan aplikasi ini ketika ini, justeru LKIM sasar penggunaan secara menyeluruh tahun depan,” katanya selepas Majlis Rahmah Mesra Madani bersama nelayan Perak, di sini, hari ini.

Untuk rekod, MyIsytihar diperkenalkan sejak 1 September 2022 antara lain bertujuan mempercepatkan proses pengisytiharan oleh nelayan serta membantu pengumpulan data kerajaan berkaitan maklumat tangkapan ikan dengan lebih tepat.

Pengarah LKIM Perak, N Sundralingam berkata, penggunaan aplikasi itu akan dikuat kuasakan di seluruh negeri ini bermula 1 September depan.

“Berdasarkan pemeriksaan kami, jaringan internet di kawasan utama penangkapan ikan di Perak baik, jadi pemilik bot tak boleh beri alasan itu,” katanya.